

Pengawasan *Hisbah* Terhadap Aktiviti Pengurusan Perniagaan

Hisbah Supervision towards Business Management Activities

Hamidi Abdul Ghani¹ & Nasron Yaacob²

¹ (Corresponding author) Department of al-Syariah, International Islamic University College Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia, e-mail: al_humaidi011@yahoo.com.

² Department of Usuluddin, International Islamic University College Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia, e-mail: drnasron@gmail.com

ABSTRAK

Artikel membahaskan tentang pengawasan *hisbah* terhadap aktiviti dan kegiatan dalam pengurusan perniagaan. Pengurusan perniagaan biasanya adalah bermatlamatkan keuntungan material, tanpa menitikberatkan soal halal dan haram yang hanya boleh ditentukan melalui tugas *hisbah* oleh pihak berwajib. Oleh yang demikian, objektif kajian adalah mendedah dan mengupas tentang pengawasan dan pemeriksaan yang akan dipantau menurut skop *hisbah*, untuk memastikan pengurusan perniagaan yang dilangsungkan adalah tidak menyalahi batas syarak. Kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif, mendapatkan data-data berkaitan *hisbah* dan pengawasannya terhadap aktiviti pengurusan perniagaan daripada sumber dokumentasi dalam bentuk buku, artikel dan seumpamanya. Dapatkan kajian mendapati bahawa *hisbah* memiliki skop pengawasannya yang tersendiri dalam menentukan keharusan aktiviti pengurusan perniagaan yang dijalankan. Pengawasan tersebut membabitkan aspek-aspek seperti unsur penipuan perniagaan, riba, monopoli barang, kehalalan dan manfaat barang, paksaan dalam perniagaan, penetapan harga, dan penutupan perniagaan untuk solat Jumaat. Maklumat seumpama ini dan usaha penerapannya adalah perlu dibudayakan dalam pengurusan perniagaan masyarakat demi kesejahteraan bersama.

Kata Kunci: Pengawasan; Hisbah; Aktiviti; Pengurusan; Perniagaan

ABSTRACT

The article discusses the administration of hisbah on activities and developments in business management. Business management is usually aimed at material profit, without underlining the issue of halal and haram which can only be determined through the intention of hisbah by the authorities. Therefore, the objective of the study is to reveal and analyse on the managing and checking which will be monitored according to the scope of hisbah, to ensure that the management of the business is not contravene to Islamic law. This study is a qualitative study, obtaining

data related to hisbah and its monitoring on business management activities from documentation sources such as books, articles, and others. The findings of the study discovered that hisbah has its own scope of supervision in determining the necessity of business management activities carried out. Such monitoring deals with elements of business fraud, usury, monopoly of goods, legality and benefits of goods, coercion in business, pricing, and closure of business for Friday prayers. This information and its application need to be cultivated in the community business management for the mutual benefit.

Keywords: *Supervision; Hisbah; Activity; Management; Business*

1. Pendahuluan

Kajian ini adalah berkenaan *hisbah* sebagai satu konsep pengawasan muamalat terhadap aktiviti-aktiviti pengurusan perniagaan yang dijalankan di lokasi perniagaan tertentu. Oleh kerana perniagaan biasanya dijalankan dengan tujuan mendapatkan keuntungan yang maksimum, maka aktiviti pengurusannya tidak terkawal dari aspek amar makruf nahi mungkar. Keadaan ini berlaku kerana tiadanya kefahaman *hisbah* yang tepat terhadap aktiviti pengurusan perniagaan yang dijalankan. Ciri-ciri dan skop *hisbah* perlu diketengahkan kepada umum agar aktiviti pengurusan perniagaan yang dijalankan adalah menepati tuntutan amar makruf nahi mungkar dalam konsep *hisbah*. Pengawasan bererti perihal mengawasi, penjagaan dan pemeriksaan (Baharom, 2000). *Hisbah* bermaksud tugas rasmi keagamaan dalam hal melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran yang mewajibkan pemerintah melantik petugas-petugas yang berkeahlilan (Ibn Khaldun, 1992). Aktiviti pengurusan perniagaan pula bererti kegiatan yang melibatkan perihal mengurus urusan perniagaan dan kegiatan jual beli (Baharom, 2000).

Setakat ini, aktiviti *hisbah* masih tidak dijalankan oleh badan atau agensi khas yang bertanggungjawab untuk menguruskannya. Ia hanya diuruskan secara umum oleh beberapa agensi kerajaan yang berkenaan. Contohnya untuk memastikan produk makanan yang dipasarkan adalah halal, JAKIM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ditugaskan sebagai agensi umum kerajaan yang akan memeriksa permis makanan dan barang pengguna serta pengesahan sijil halal. Pemantauan terhadap kawalan harga barang pengguna, peraturan timbangan dan sukat dan pelesenan perniagaan pula akan dilakukan oleh KPDNHEP (Zakaria, Z., & Ismail, S. Z. 2015). Sementara untuk mengawasi perjalanan syarikat-syarikat korporat, penyenaraian saham dan menggalakkan pertumbuhan perbankan Islam yang bebas riba pula telah dikelola oleh Kementerian Kewangan melalui agensi-agensi yang ada di bawahnya (Ibrahim, 2015).

Objektif kajian adalah mengetengahkan pengawasan *hisbah* dan menjagaannya terhadap aktiviti dan kegiatan perniagaan dan pengurusannya dalam sistem perniagaan seharian. Pengurusan perniagaan perlu diawasi dengan peraturan *hisbah* agar ia tidak melanggar hukum syarak yang telah ditetapkan sehingga menghilangkan keberkatan daripada Allah SWT. Kepentingan kajian ialah memberikan pencerahan tentang kepentingan memahami skop dan batasan *hisbah* dalam urusan perniagaan agar tidak melanggar batas syarak yang digariskan. Sumbangan kajian kepada bidang perbincangan ialah memperkasakan pengawasan *hisbah* dalam urusan perniagaan, dapat menyedarkan masyarakat kepentingan mematuhi peraturan *hisbah*, dan memajukan perniagaan dalam negara agar beroleh keuntungan yang berlipat ganda dan berkat.

2. Metodologi Kajian

Pengurusan perniagaan merupakan sebahagian daripada urusan muamalat Islam. Kerana itu ia sememangnya tertakluk kepada sistem patuh syariah yang menjadi pengawas dan pengawal urus niaganya agar sentiasa bertepatan dengan batasan syarak. Sistem patuh syariah dalam urusan pengurusan perniagaan boleh dirujuk pada konsep *hisbah*. Maka artikel ini akan membincangkan tentang tugas pengawasan oleh *hisbah* terhadap aktiviti pengurusan dan kegiatan perniagaan yang berlangsung dalam pasaran terbuka masyarakat seharian.


Kajian ini adalah berasaskan kajian kualitatif, dan pengumpulan data kajian ini adalah merujuk dokumentasi berbentuk buku, penulisan artikel, rencana dan seumpamanya yang boleh memberikan maklumat kualitatif yang diperlukan. Kajian ini menjelaskan keperluan skop pengawasan *hisbah* terhadap aktiviti pengurusan perniagaan masyarakat yang perlu bercirikan konsep patuh syariah. Kajian ini sepatutnya memberikan pendedahan maklumat yang mudah kepada masyarakat agar pelaksanaan sistem *hisbah* dalam pengurusan perniagaan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Pengetahuan mengenai keperluan skop *hisbah* ini amat penting dalam mengawal urusan perniagaan agar tidak keluar dari landasan syariah yang sebenar. Sistem ekonomi ummah juga akan berkembang baik selaras dengan kehendak agama. Seterusnya tindakan harian umat Islam juga adalah mendapat pimpinan hukum syariah yang sebenar.

3. Dapatan Kajian

Hisbah bermaksud tugas rasmi keagamaan dalam hal melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran yang mewajibkan pemerintah melantik petugas-petugas yang berkeahlilan (Ibn Khaldun, 1992). Dalam skop pengawasan *hisbah* terhadap aktiviti pengurusan perniagaan, ia berpandukan batasan dan hukum agama yang telah ditetapkan syarak. Kajian ini berhasil menyenaraikan kaedah dan skop pengawasan *hisbah* dalam pengurusan dan kegiatan perniagaan, adalah seperti berikut:

- i. Menyekat penipuan dalam urusniaga
- ii. Menghalang sebarang aktiviti perniagaan berdasarkan riba
- iii. Membanteras kegiatan monopoli barang
- iv. Memantau kehalalan dan manfaat barang yang dipasarkan
- v. Mencegah aktiviti perniagaan dilakukan secara paksaan
- vi. Mengawal penetapan harga
- vii. Memastikan aktiviti perniagaan ditutup semasa azan untuk solat Jumaat

Rajah 1: Pengawasan *Hisbah* Terhadap Aktiviti Pengurusan Perniagaan



Sumber: Hamidi & Nasron, 2022

Prinsip-prinsip dalam pengawasan *hisbah* ini akan dapat menjadi panduan dalam pelaksanaan pengurusan perniagaan yang patuh syariah. Walau bagaimanapun prinsip baru yang bersesuaian boleh dijadikan panduan tambahan bergantung kepada keperluan dan manfaatnya kepada perniagaan yang dijalankan.

4. Perbincangan

Perbincangan yang akan diutarakan oleh kajian ini ialah berkenaan pengertian *hisbah* agar maksud sebenarnya dapat difahami dengan tepat. Perbincangan seterusnya adalah berkenaan konsep pengawasan *hisbah* terhadap aktiviti pengurusan perniagaan sebagai asas dan dasar kepada skop aktiviti pengawasan *hisbah*. Akhir sekali perbincangan ini akan menyentuh tentang skop pengawasan *hisbah* terhadap aktiviti-aktiviti pengurusan perniagaan tersebut.

4.1 Pengertian Hisbah

Hisbah menurut bahasa Arab ialah kata terbitan dari *ihtisab*, yang bermakna mencari pahala (Ibn Manzur, t.t.). Disebutkan dalam hadis:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، عُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَبْءٍ

Terjemahan: Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan keimanan dan mencari pahala, maka diampunkan dosanya yang lalu.

[*Sahih al-Bukhari*, no. Hadis: 38]

Dari segi istilah pula, beberapa definisi telah diberikan oleh ulama untuk menerangkan makna *hisbah*. Menurut al-Mawardi (1990) dan Abu Ya'la (1983), *hisbah* ialah menyuruh melakukan yang baik apabila ternyata ditinggalkan dan mencegah kemungkaran apabila ternyata dilakukan. Sementara Ibn al-Ukhuwwah (2001) memberi definisi *hisbah* sama seperti tadi, cuma ditambah mendamaikan sesama manusia. Definisi yang diberikan oleh al-Mawardi dan ulama yang selepasnya bersifat umum yang meliputi penguatkuasa *hisbah* yang dilantik dan petugas *hisbah* sukarela. Oleh kerana perbincangan ini tentang tugas *hisbah* secara rasmi, maka definisi yang diberikan oleh Ibn Khaldun (1992) lebih sesuai sekali, iaitu *hisbah* sebagai tugas rasmi keagamaan yang termasuk dalam bab melakukan yang baik dan mencegah yang mungkar yang mewajibkan pemerintah melantik orang yang layak sebagai petugasnya untuk mencari perkara mungkar dan menghukumnya.

Kesimpulannya, institusi *hisbah* ialah pengawasan secara rasmi oleh kerajaan dengan melantik pegawai-pegawai tertentu untuk mengawasi rakyat dalam urusan suruhan melakukan yang makruf yang jelas ditinggalkan dan mencegah kemungkaran yang jelas dilakukan yang bukan bidang tugas institusi lain. Jabatan ini amat penting sekali dalam menguatkuasakan keseluruhan hukum Islam kerana kewujudannya adalah berdasarkan perintah syarak.

4.2 Pengawasan Hisbah Terhadap Aktiviti Pengurusan Perniagaan

Aktiviti dan kegiatan pengurusan perniagaan atau pengurusan muamalat mestilah dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip syariah (Ghani & Yaacob, 2021). Prinsip-prinsip syariah itu dapat dipatuhi apabila individu yang menjalankan aktiviti muamalat merasa dan menyedari dirinya diawasi. Pengawasan dalam Islam dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pengawasan dalaman dan pengawasan luaran (Basyuni, 1988).

Maksud pengawasan dalaman ialah pengawasan Ilahi. Pengawasan ini telah sedia ada selari dengan sifat asasi semula jadi manusia. Pengawasan ini bukanlah yang sengaja diwujudkan, bahkan ia berlaku selari dengan kebesaran dan keagungan kuasa Allah Yang Maha Berkuasa, Maha Mengetahui, Maha Melihat dan Maha Mendengar. Pengawasan ini bersifat mutlak yang mampu menembusi apa jua keadaan dan menangani apa jua halangan. Tiada siapa dalam kalangan manusia yang mampu melepaskan diri dari penglihatan dan pendengaran Yang Maha Melihat dan Maha Mendengar. Dengan menghayati pengawasan ini, maka akan lahir kesedaran bahawa tiada sesiapa dapat lari dari balasan dan hukuman Ilahi walaupun telah dapat melepaskan diri dari balasan manusia (Abdullah, 2000)

وَهُوَ مَعَكُمْ أَئِنَّ مَا كُنْتُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Terjemahan: Dan dia bersama kamu di mana saja kamu berada. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan. (al-Hadid, 57: 4)

Sabda Nabi SAW:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَائِنَكَ تَرَاهُ، إِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَكَ

Terjemahan: Ihsan ialah kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatnya, sekiranya kamu tidak boleh melihatnya, hendaklah kamu rasa Allah melihat kamu.

[*Sahih al-Bukhari*, no. hadis: 50]

Namun tidak semua manusia boleh dikawal dengan pengawasan dalaman, disebabkan pengaruh kelalaian oleh hawa nafsu adalah lebih dominan. Kerana itu pengawasan luaran oleh pihak berkuasa yang dinamakan sebagai *hisbah* perlu ada untuk mengimbangi sikap lupa manusia yang mudah menuruti hawa nafsu. Tugas mengawasi aktiviti ekonomi dan pengurusan muamalat ini merupakan tugas teras bagi institusi *hisbah* kerana berpunca dari tugas ini, *hisbah* lahir dan tersemai sehingga lebih berkembang dengan lebih baik. Pada peringkat awal penubuhannya, kegiatan penguatkuasaan *hisbah* tertumpu di pasar untuk mengawasi segala kegiatan

urus niaga dan suasana pergaulan supaya tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Kemudian ia berkembang dan tugasnya menjadi semakin luas seiring dengan pesatnya penyebaran agama Islam dan timbulnya masalah-masalah baru dalam masyarakat (Abdullah, 2000).

Kebanyakan karya-karya ilmiah mengenai *hisbah* menerangkan tentang pengawasan di pasar dan yang paling menonjol sekali ialah kitab Ahkam al-Suq oleh Yahya Ibn Umar. Perbincangan dalam karya ini banyak memberikan tumpuan kepada kerja-kerja mengawasi sukanan dan timbangan, menyekat kegiatan penipuan, menganjurkan langkah-langkah memelihara kebersihan dan mengawal harga barang di Bandar Qairawan. Buku ini ditulis dalam bentuk soal jawab (Abdullah, 2000). Ibn Taimiyyah ialah satu-satunya tokoh yang paling tegas menonjolkan kepentingan institusi *hisbah* sebagai institusi yang sewajarnya mempengaruhi kegiatan ekonomi. Karya khusus beliau mengenai *hisbah* yang bertajuk *al-Hisbah fi al-Islam* diajukan untuk menangani pelbagai masalah ekonomi terutamanya dalam usaha menjamin keadilan dan keseimbangan dan menentukan tiadanya kegiatan yang bertentangan dengan syariah dalam semua kegiatan ekonomi (Abdullah, 2000).

4.3 Skop Pengawasan Hisbah

Pengurusan perniagaan mengikut tradisi biasanya bermula di lokasi tumpuan awam seperti pasar, yang kemudiannya berkembang secara profesional dan universal dengan peraturan dan mutu pengurusan yang tersendiri. Demikian juga secara tradisinya pengawasan *hisbah* bertindak untuk mengawal semua tahap perkembangan perniagaan ini. Antara kaedah pengawasan yang diamalkan adalah sebagaimana berikut:

4.3.1 Menyekat Penipuan Dalam Urusniaga

Hadis Nabi SAW menjelaskan keistimewaan urus niaga yang diuruskan oleh peniaga yang jujur dan amanah, akan dijamin dengan kedudukan yang baik di dalam surga kelak.


الثَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ

Terjemahan: Ahli korporat yang jujur lagi amanah akan ditempatkan bersama-sama para Nabi, orang-orang yang benar dan para syuhada.

[*Sunan al-Tirmidhi*, no. Hadis: 1209, Dinilai *isnad sahih* oleh al-Mundhiri]

Menipu adalah perbuatan yang akan membawa kehinaan di dunia dan di akhirat. Penipuan yang biasa dilakukan dalam barang urus niaga boleh dibahagikan kepada empat bentuk:

Rajah 2: Bentuk Penipuan Dalam Urus Niaga



Sumber: Hamidi & Nasron, 2022

a) Penipuan Pada Kualiti Barang

Penipuan pada kualiti barang ialah memperdayakan pembeli seperti mencampurkan barang yang baik dengan yang kurang baik. Menunjukkan contoh barang yang baik, tetapi yang di dalamnya tidak baik. Hadis-hadis berikut menyatakan kesalahan kaedah penjualan ini:

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ مَرَّ عَلَى صُبْرَةٍ طَعَامٍ فَأَدْخَلَ أَصَابَعَهُ فِيهَا فَإِذَا فِيهِ بَلَلٌ فَقَالَ : مَا هَذَا يَا صاحِبَ الطَّعَامِ؟ قَالَ: أَصَابَتْهُ سَمَاءٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : فَهَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ حَتَّى يَرَاهُ النَّاسُ، مَنْ غَشَّنَا فَلَيْسَ مَنًا.

Terjemahan: Bahawa Nabi SAW melalui satu timbunan makanan, maka baginda SAW menyeluk tangannya ke dalam timbunan itu dan didapati ia basah. Maka Nabi SAW bertanya: “Apakah ini wahai pemilik makanan?”. Jawabnya: “Ia ditimpa langit (hujan) wahai Rasulullah. Sabda Nabi SAW: “Maka kenapa kamu tidak meletakkannya di bahagian atas makanan, agar orang ramai dapat melihatnya? Sesiapa yang menipu kami maka dia bukan daripada kami”.

[*Sahih Ibn Hibban*, no. Hadis: 4905, Dinilai sahih oleh Syu‘aib al-Arna’ut]

لَا يَحِلُّ لِأَحَدٍ بَيْعُ شَيْئًا أَلَا يَبْيَغُ مَا فِيهِ، وَلَا يَحِلُّ لِمَنْ يَعْلَمُ ذَلِكَ أَلَا يَبْيَغُ

Terjemahan: “Tidak halal bagi seseorang menjual sesuatu barang jualan melainkan dia menjelaskan keadaan barang yang dijualnya, dan tidak halal

bagi sesiapa yang mengetahui perkara tersebut (kecacatan pada barang yang dijual) melainkan dia menerangkannya.

[*Musnad Ahmad*, no. Hadis: 16109, Dinalai *hasan li ghayrihi* oleh al-Albani]

Dari kenyataan tersebut di atas jelaslah kepada kita Islam menentang penipuan dalam apa jua bentuknya dalam perniagaan. Lebih jauh daripada itu sesuatu barang yang hendak dijual hendaklah diterangkan kekurangan dan keaibannya, dan jika ada yang menyembunyikannya maka ia adalah satu kezaliman. Prinsip ini sebenarnya akan dapat mewujudkan perasaan mesra dan percaya mempercayai antara pembeli dengan penjual. Ia dapat mewujudkan perasaan harmonis dalam masyarakat (Borham, 1999).

b) Penipuan Pada Kuantiti Barang.

Setiap muslim adalah dituntut untuk menegakkan keadilan walaupun ke atas dirinya sendiri atau ke atas orang yang tersayang. Mereka juga dituntut menyampaikan amanah kepada yang berhak tanpa pilih kasih dan kedudukan. Demikianlah juga dalam perniagaan dan perdagangan, keadilan dan amanah juga dituntut. Haram mengurangkan timbangan, sukatan dan ukuran. Sesiapa yang melakukannya adalah berdosa besar.

وَإِلَيْ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شَعِيبًا قَالَ يَا قَوْمَ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٌ غَيْرُهُ وَلَا تَنْفُضُوا الْمِكَافَلَ
وَالْمِيزَانَ إِنِّي أَرَاكُمْ بِخَيْرٍ وَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابٍ يَوْمَ حُسْنٍ

Terjemahan: Dan kepada penduduk Madyan Kami utuskan saudara mereka Nabi Syu'ib, dia berkata: "Wahai kaumku, sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Dan janganlah kamu mengurangi sukatan dan timbangan. Sesungguhnya aku melihat kamu berada dalam kemewahan, dan sesungguhnya aku bimbang kamu akan ditimpa azab hari yang meliputi (orang-orang yang bersalah)". (Hud, 11: 84)

Ayat ini memerintahkan kita agar beribadah kepada Allah dan mentauhidkan-Nya, menyempurnakan sukatan dan timbangan, jangan mengurangkan hak orang lain dan jangan melakukan kerosakan di muka bumi. Walaupun ayat ini menceritakan seruan Nabi Syu'ib kepada kaumnya secara khusus, tetapi ia juga ditujukan kepada seluruh golongan yang beriman.

وَيُلْ لِلْمُطَفَّقِينَ الَّذِينَ إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ

Terjemahan: Kecelakaan besar kepada orang-orang yang curang dalam timbangan dan sukatan, iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (seperti

gantang dan cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup dan sebaliknya apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kuranginya. (Al-Mutaffifin, 83: 1-3)

Dalam ayat di atas Allah telah memberi amaran dengan kecelakaan kepada golongan yang mencuri timbangan dan sukatan apabila mereka menyukat tetapi menuntut agar sukatan dan timbangan yang cukup dan sempurna apabila mereka menerimanya (Borham, 1999).

وَلَا تَقْرِبُوا مَالَ الْيَتَيمِ إِلَّا بِالْتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشْدَادُهُ وَأَوْفُوا الْكِيلَ وَالْمِيزَانَ
بِالْقِسْطِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا
ذَلِكُمْ وَصَكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Terjemahan: Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya) sehingga ia baligh (dewasa serta layak mengurus hartanya dengan sendiri) dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajipan melainkan sekadar kesanggupannya. (Al-An‘am, 6: 152)

وَأَقِيمُوا الْوَزْنَ بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا الْمِيزَانَ

Terjemahan: Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta jangan kamu mengurangi barang yang ditimbang. (Al-Rahman, 55: 9)

Demikianlah ditegaskan oleh Allah bahawa alat timbang hendaklah betul dan tepat dan dalam masa yang sama perkara yang ditimbang itu hendaklah dicukup dan disempurnakan (Borham, 1999).

c) Penipuan Dengan Menjual Barang Yang Tidak Pasti

Setiap jual beli dalam sesuatu perniagaan hendaklah tidak mengandungi unsur-unsur *gharar* (tidak pasti) di mana akad jual beli tersebut boleh menimbulkan pertelingkahan. Ini kerana barang yang dibeli itu tidak diketahui dan boleh berlaku penipuan seperti menjual ikan di dalam kolam yang tidak diketahui besar kecilnya, jenis dan rupa serta tidak dapat dipastikan yang mana satu. Termasuk anak lembu yang masih di dalam kandungan atau burung yang terbang di udara. Jual beli seperti ini adalah haram kerana ia boleh menimbulkan pertelingkahan dan penipuan serta perkara yang dijual itu tidak boleh dipastikan.

نَحْنُ رَسُولُ اللَّهِ عَنْ بَيْعِ الْغَرِيرِ

Terjemahan: Nabi melarang dari menjalankan aktiviti perniagaan yang ada unsur ketidakpastian.

[*Sunan al-Tirmidhi*, no hadis: 1230, Dnilai *sahih* oleh al-Albani]

d) Penipuan Dalam Memperolehi Keuntungan

Peniaga yang pintar tetapi tidak berakhlek dan kurang imannya sentiasa mengambil kesempatan daripada kelemahan dan kekurangan orang lain dengan menggunakan pelbagai cara tipu helah perniagaan dengan tujuan untuk mengaut keuntungan yang besar, seperti perniagaan dengan cara *najash* dan *talaqqi rukban*.

Yang dimaksudkan perniagaan cara *najash* ini ialah seseorang yang berlagak seolah-olah ingin membeli sesuatu barang dengan harga yang tinggi sedangkan ia tidak berniat untuk membelinya. Tujuan sebenarnya ialah supaya bakal pembeli yang sebenar akan membelinya dengan harga yang lebih tinggi lagi. Perbuatannya tadi hanyalah sebagai helah perniagaan dan harga yang ditawarkan dengan mahal tadi hanyalah sebagai umpan. Ini banyak berlaku dalam jual beli cara lelong.

لَا تَحَاسِدُوا، وَلَا تَنَاجِشُوا، وَلَا تَبَاغِضُوا، وَلَا يَبْعِثْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ بَغْضٍ

Terjemahan: Janganlah kamu saling dendki mendengki, saling menipu (*najash*), benci membenci, saling membelakangi dan janganlah sebahagian dari kamu menjual atas penjualan sebahagian yang lain.

[*Sahih Muslim*, no hadis: 2564, Dnilai *sahih* oleh al-Albani]

Talaqqi rukban pula ialah apabila seseorang yang datang dari bandar mengetahui kedatangan orang luar bandar membawa barang untuk diperniagakan di bandar, lalu dia mendapatkan orang luar bandar tadi dan membeli barang yang dibawa mereka dengan harga yang murah, kurang daripada harga yang sewajarnya. Ia bertujuan menjualnya dengan harga yang mahal sebelum orang luar bandar tadi mengetahui harga pasaran yang sebenar.

Kedua-dua jenis perniagaan ini walaupun sah tetapi ia berdosa kerana melakukan tipu helah perniagaan dan berlaku zalim dalam mengambil keuntungan serta mengambil kesempatan daripada kelemahan orang lain (Borham, 1999). Penguatkuasa *hisbah* bertanggungjawab untuk memastikan kegiatan penipuan ini tidak berlaku. Dalam sejarah pemerintahan kerajaan Fatimiyyah pernah didirikan jabatan khusus yang membantu tugas penguatkuasa *hisbah* dalam urusan ini yang dipanggil rumah timbangan (*Dar*

al-'Iyar). Jabatan ini menjadi pusat piawaian yang menjamin ketepatan alat-alat timbangan dan sukatana (Abdullah, 2000).

Yahya bin Umar mengatakan ujian hendaklah dilakukan untuk memastikan sukatana dan timbangan yang betul. Al-Nasir li al-Haqq pula mengatakan alat timbangan dan sukatana mestilah dibuat dari besi dan diperakukan dengan cop mohor. Pemeriksaan mestilah dibuat untuk memastikan perkara tersebut dilakukan. Mengikut al-Mawardi, pegawai pemeriksaan yang khusus seperti *kayyalin* (pemeriksa sukatana), *wazzanim* (pemeriksa timbangan) dan *naqqadin* (pemeriksa mata wang hendaklah dilantik). Bagi memastikan kualiti barang yang dijual adalah baik, penguatkuasa *hisbah* akan dibantu oleh ketua bagi sesuatu perusahaan yang dikenali sebagai 'arif. Di Andalus pula dia dikenali sebagai *amin*. (Ahmad, 2006)

4.3.2 Menghalang Sebarang Aktiviti Ekonomi Yang Melibatkan Riba

Riba adalah amalan yang dikutuk oleh Allah sebagaimana Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَاً لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ^١
بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَاٰ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَاٰ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ
فَأُنْتَهَى فَلَهُ، مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ الْتَّارِّ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ

Terjemahan: Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan Dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa Sesungguhnya bermiaga itu sama sahaja seperti riba". padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (bermiaga) dan mengharamkan riba. oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhananya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. (Al-Baqarah, 2: 275)

Jabir bin Abdillah RA ada meriwayatkan hadis Nabi SAW berkenaan laknat Allah kepada pemakan riba, pemberi, penulis atau pencatat dan saksi riba.

لَعْنَ اللَّهِ أَكَلَ الرِّبَا وَمُوكَلُهُ، وَشَاهِدِيهِ وَكَاتِبَهُ

Terjemahan: Allah melaknat penerima riba (pemakan riba), pemberi riba, dua orang saksi riba, dan penulis riba.

[*Musnad Ahmad bin Hanbal*, no hadis: 3809, Dnilai sahih oleh Syu‘ayb al-Arna’ut]

Dari ayat al-Quran dan hadis di atas nyatakan betapa besarnya dosa orang yang terlibat dengan amalan riba; oleh kerana riba merupakan suatu penindasan dari golongan kaya ke atas golongan miskin dalam sesebuah masyarakat. Ini merupakan satu penyakit dalam masyarakat yang melibatkan perasaan tidak puas hati golongan miskin terhadap golongan kaya. Keadaan ini boleh menimbulkan pelbagai angkara jenayah seperti merompak, menyamun, mencuri dan sebagainya. Oleh yang demikian Islam mengharamkan riba sebagai satu langkah membanteras gejala-gejala tersebut serta mewujudkan suasana perpaduan, harmoni dan persefahaman di antara semua anggota masyarakat. (Mansor, 1984)

Umumnya mengikut ulama, riba itu mempunyai tiga jenis. Satu daripadanya ialah yang asal dan dua jenis lagi merupakan bayangannya atau pengikutnya. Jenis riba asal ini dikenali dengan riba hutang piutang atau *riba al-nasi’ah* atau dikenali juga sebagai *riba al-jahiliyyah*. Para ulama sejak dari dahulu hingga sekarang telah sepakat mengatakan bahawa riba jenis asal ini adalah haram tanpa pengecualian. Adapun riba jenis kedua itu mereka berselisih pendapat dengan sebahagian daripada mereka cuba menyempitkan ruang lingkup pengertiannya dan sebahagian pula memperluaskannya (Ghani, 1999).

Ibn al-Ukhuwwah dalam bukunya *Ma’alim al-Qurbah fi Ahkam al-Hisbah* yang menjadi panduan kepada para penguatkuasa *hisbah* telah menjelaskan bahawa semua bentuk riba hendaklah dijauhkan (Ibn Ukhuwwah, 2001). Penguatkuasa *hisbah* diberi kuasa untuk menghukum orang yang terlibat dengan urusniaga riba sekiranya didapati bersalah kerana ia merupakan perkara mungkar yang wajib dihalang (Ibn Qayyim, 1989).

4.3.3 Membanteras Kegiatan Monopoli Barang

Untuk melindungi kepentingan dan kebajikan masyarakat, Islam telah melarang agar tidak berlaku sorok barang. Walaupun Islam menjamin pasaran bebas dan individu mempunyai kebebasan untuk bermiaga tanpa gangguan dan persaingan adil dalam perniagaan adalah dijamin, tetapi Islam tetap menolak sifat mementingkan diri dan mengambil kesempatan, mengeksplotasi keadaan didorong oleh tamak haloba, sehingga menyusah dan menyulitkan orang ramai dengan menyorokkan makanan keperluan asasi rakyat agar harganya melambung tinggi. Apabila harganya telah melambung tinggi pada masa itu barulah dijualnya makanan asasi orang ramai tersebut. Dengan itu, orang ramai terpaksa membeli makanan asasi tadi dengan harga

yang mahal dan tidak berpatutan. Perbuatan *ihtikar* (monopoli) ini adalah haram (Ghani & Yaacob, 2021). Nabi SAW bersabda:

لَا يَخْتَرُ إِلَّا خَاطِئٌ

Terjemahan : “ Orang yang melakukan ihtikar ini adalah salah (berdosa)

[*Sahih Muslim*, no hadis: 4207]

Daripada keterangan di atas semakin jelas kepada kita bahawa kejayaan perniagaan bukan hanya untuk mendapatkan keuntungan yang maksimum dengan modal yang minimum dalam masa yang pendek, tetapi kejayaan yang sebenar ialah ibadah niaga diterima oleh Allah s.w.t, perkhidmatan kepada masyarakat dan keuntungan yang munasabah. (Borham, 1999)

Ibnu Taymiyyah menyatakan bahawa penguatkuasa *hisbah* boleh memaksa orang yang melakukan monopoli barang itu menjual barang yang disorok itu dengan harga pasaran kepada orang ramai yang memerlukan. Hukum itu seperti dalam kes orang yang memiliki simpanan makanan yang berlebihan sedangkan pada masa yang sama orang ramai berada dalam kebuluran, maka pemilik makanan itu boleh dipaksa menjual makanannya dengan harga pasaran. (Ibn Taymiyyah, 1997)

4.3.4 Memantau Kehalalan Dan Manfaat Barang Yang Dipasarkan

Seseorang yang melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi mestilah menjauhi dari menjalankan aktiviti perniagaan yang haram. Menjalankan aktiviti muamalat yang halal adalah satu kewajipan ekonomi yang penting selepas kewajipan agama. Nabi SAW bersabda:

طَلَبُ الْحَلَالِ فَرِيْضَةٌ بَعْدَ الْفَرِيْضَةِ

Tejemahan: Berusaha untuk mencari pekerjaan yang halal merupakan satu kewajipan selepas kewajipan sembahyang.

[*Al-Mu'jam al-Kabir li al-Tabarani*, no hadis: 9993, Dinilai *da'iif* oleh al-Albani]

Islam mengharamkan aktiviti muamalat seperti perniagaan melibatkan arak, babi, judi, pelacuran, majalah, gambar, kaset dan vcd lucah yang boleh merosakkan akhlak manusia dan mendorong ke arah penzinaan. (al-Darsyuwisy, 1989) Nabi SAW bersabda secara umum:

إِنَّ اللَّهَ إِذَا حَرَّمَ عَلَىٰ قَوْمًا شَيْءًا حَرَّمَ عَلَيْهِمْ مُّنْهَىٰ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah jika mengharamkan kepada satu kaum sesuatu barang, maka harganya pun haram juga.

[*Sunan Abi Daud*, no hadis: 3488, Dinilai *sahih* oleh al-Albani]

Nabi SAW bersabda secara khusus:

إِنَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ حَرَمَ بَيْعَ الْخَمْرِ وَالْمَلِيَّةِ وَالْخَنْزِيرِ وَالْأَصْنَامِ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah dan RasulNya mengharamkan jual beli arak, bangkai, babi dan patung berhala.

[*Sahih al-Bukhari*, no hadis: 2236]

Begini juga secara khusus, Nabi SAW melarang aktiviti muamalat secara haram sepetimana diceritakan oleh Ibn Masud:

نَهَىٰ عَنِ الْكَلْبِ، وَمَهْرِ الْبَغْرِيِّ، وَحُلْوَانِ الْكَاهِنِ

Terjemahan: Sesungguhnya (Nabi) melarang menerima harga anjing, hasil pelacuran dan upah tukang tenung nasib.

[*Sahih al-Bukhari*, no hadis: 2282]

Penguatkuasa *hisbah* diberi kuasa untuk mencegah aktiviti menjual barang haram dan seterusnya mengenakan tindakan *hisbah*. Ibn al-Ukhuwah mengatakan bahawa hukuman takzir boleh dikenakan terhadap orang yang memamerkan arak dan alat-alat hiburan dengan memusnahkan arak dan alat-alat hiburan yang dirampas atau menuarkannya menjadi alatan lain yang bermanfaat. (Ibn Ukhluwwah, 2001)

4.3.5 Mencegah Aktiviti Perniagaan Dilakukan Secara Paksaan

Kebebasan merupakan prinsip yang penting dalam perniagaan yang merangkumi kebebasan menjalankan apa jua aktiviti perniagaan yang dapat memenuhi keperluan dan keinginan manusia. Juga kebebasan manusia untuk memilih dan mendapatkan apa jua keinginan yang berbagai-bagai. (Rukaini & Yaacob, 2001)

Dalam menjamin kebebasan kedua-dua belah pihak, Islam telah memperundangkan *khiyar* atau kuasa memilih kepada penjual dan pembeli sama ada muahu meneruskan jual beli atau sebaliknya. Penetapan tempoh

tertentu dalam *khiyar* memberikan kebebasan kepada penjual dan pembeli. (Daud, 1994) Sabda Nabi SAW:

البَيْعُانِ بِالْخَيْرِ مَا لَمْ يَنْفَرِقا

Terjemahan: Jual beli antara dua pihak berlandaskan kebebasan memilih selama kedua-duanya belum berpisah.

[*Sahih al-Bukhari*, no hadis: 2109]

Unsur-unsur paksaan, eksplorasi dan peras ugut amat bertentangan dengan urusan perniagaan. Kalau unsur-unsur itu wujud dalam sesebuah masyarakat perniagaan maka hasilnya ialah kelesuan dan kurangnya kegiatan perniagaan. Faktor-faktor negatif ini dengan sendirinya akan menghasilkan kelembapan dan kemerosotan ekonomi secara am dalam sesebuah masyarakat atau negara. Kebebasan merupakan satu faktor kesihatan dalam bidang perniagaan. Negara-negara industri yang telah mencapai kemajuan yang tinggi telah menjadikan kebebasan sebagai satu dasar pembangunan ekonomi. (Salamon, 1992) Namun, kebebasan itu bukanlah suatu yang sewenang-wenangnya tetapi hendaklah dikawal dengan mengikut kehendak syara'. Ibn Qayyim menyebut tidak boleh memaksa seseorang menjual barang miliknya kecuali dengan kebenaran. Penguatkuasa *hisbah* mestilah memastikan bahawa sesuatu perniagaan itu dilakukan secara sukarela dan bertindak tegas mencegahnya jika terbukti berlaku.

Untuk menentukan wujudnya kerelaan antara kedua-dua belah pihak, Islam telah menetapkan agar perniagaan itu mestilah mendapat persetujuan bersama antara pembeli dengan penjual. Persetujuan diwujudkan dalam majlis akad antara penjual dengan pembeli atau wakil masing-masing. (Daud, 1994) Firman Allah SWT

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْتَكُمْ بِالْبَطِيلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تَجَرَّةً عَنْ تَرَاضٍ
مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuhan-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu. (Al-Nisa', 4: 29)

Ayat ini menjelaskan dua syarat terpenting dalam perniagaan yang wajib dipenuhi agar sesuatu jual beli dan perniagaan tersebut sah dan diterima oleh Allah ialah dengan persetujuan dan keredhaan pihak-pihak

yang terlibat dan janganlah ada unsur-unsur kebatilan dalam perniagaan tersebut seperti berlaku penipuan, kezaliman, berat sebelah dan sebagainya. (Borham, 1999)

4.3.6 *Mengawal Penetapan Harga*

Islam memberikan kebebasan kepada peniaga untuk menetapkan harga. Harga yang ditetapkan itu dianggap sebagai ketentuan Allah SWT. Ibnu Taymiyah berpendapat bahawa pengawalan harga boleh dilaksanakan tetapi perlu berdasarkan kepada suasana yang memerlukan kepada pengawalan harga. Jika suasana pasaran normal maka penentuan harga terserah kepada para penjual.

Perkara pertama yang menjadi penilaian dalam aspek pengawalan harga ialah kuasa monopoli. Kuasa monopoli ini melibatkan pengawalan sumber serta pengeluaran oleh satu atau dua pihak dalam pasaran. Sesuatu komoditi itu tidak akan didapati daripada penjual lain selain daripada individu yang memonopoli komoditi tersebut. Individu yang memonopoli itu mempunyai peluang yang amat luas untuk memanipulasi harga dalam pasaran. Untuk mengelakkan perkara ini berlaku, institusi *hisbah* perlu memainkan peranan menetapkan harga yang sewajarnya kepada komoditi tersebut. Hal ini penting agar tidak berlaku peningkatan harga yang keterlaluan sehingga membebankan masyarakat umum. Dalam aspek ini, para ulama tidak berselisihan bahawa pengawalan harga perlu dilaksanakan terhadap komoditi tersebut untuk kemaslahatan umum.

Perkara kedua yang menjadi penilaian dalam pengawalan harga ialah permintaan yang tinggi. Permintaan yang tinggi ini umumnya melibatkan komoditi yang terdiri dari komoditi asas iaitu makanan dan minuman. Dalam hal ini, Ibnu Taimiyah menyarankan supaya memastikan wujudnya saluran keperluan terutamanya keperluan asas dengan kadar yang mencukupi. Hal ini menjadi tanggungjawab kolektif yang dipimpin oleh pemerintah. Peranan institusi *hisbah* dalam hal ini ialah memikul tanggungjawab kolektif ini sebagai penimbang-tara kepada harga yang ditetapkan dalam pasaran. Andainya harga didapati melebihi harga yang ditetapkan oleh pemerintah, institusi *hisbah* perlu memainkan peranannya. Institusi ini boleh menurunkan harga tersebut kepada harga yang munasabah dan adil.

Antara tindakan yang perlu dilakukan institusi *hisbah* untuk mengatasi kedua-dua aspek ini ialah dengan dua cara; perjanjian penetapan harga atau tindakan penetapan harga. Perjanjian penetapan harga boleh dilakukan penguatkuasa berdasarkan perbincangan dengan pengeluar komoditi tersebut. Seandainya perbincangan tersebut tidak mendatangkan sebarang keputusan maka penguatkuasa harus menetapkan harga melalui pelaksanaan undang-undang. Cara kedua ini merupakan jalan yang terakhir selepas perjanjian tidak membawa hasil. Jelasnya, objektif pelaksanaan

ketetapan harga sama ada secara aman atau kekerasan bukanlah untuk memudarangkan mana-mana pihak. Sebaliknya usaha ini untuk memastikan keseimbangan agihan hak dalam sistem ekonomi. Hak semua manusia perlu ditunaikan sewajarnya (Ibn Taymiyyah, 1997; Norwazir, 2003; al-Qarni, 2006).

4.3.7 Memastikan Aktiviti Perniagaan Ditutup Semasa Azan Untuk Solat Jumaat

Manusia diciptakan oleh Allah untuk mengabdikan diri kepada-Nya dalam semua aspek kehidupan, bukan sahaja dalam aspek amalan agama seperti sembahyang dan puasa. Sesibuk mana seseorang itu menjalankan aktiviti muamalat dan mencari rezeki, tuntutan ibadat khusus tidak boleh diabaikan. Allah s.w.t memerintahkan supaya aktiviti muamalat dihentikan pada hari Jumaat semata-mata untuk menunaikan solat Jumaat (al-Ashqar, 1998). Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمٍ أَجْمَعَةٍ فَاسْعَوْا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ
ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ
فَضْلِ اللَّهِ وَآذُكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahan: Wahai orang-orang Yang beriman! apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); Yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat Yang sebenarnya). 10. Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa Yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam Segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat). (Al-Jumu 'ah, 62: 9-10).

Penguat kuasa *hisbah* mestilah berperanan memastikan kedai-kedai ditutup sewaktu sembahyang jemaah dan solat Jumaat dan mengingatkan orang ramai khususnya pengunjung pusat-pusat perniagaan dengan masuknya waktu solat agar mereka semua tidak dilalai dengan urus jual beli. (al-'Arifi, 1407H).

رِجَالٌ لَا تُنْهِيهِمْ بِخَارَةٍ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ

Terjemahan: (Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau jual-beli dari mengingati Allah, mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat. (Al-Nur, 24: 37)

Dalam aspek supaya rakyat tidak dilalai dengan urusan jual beli ini kerajaan negeri Kelantan telah melaksanakan tanggungjawab *hisbah* ini melalui Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB BRI) iaitu mulai tahun 1995 MPKB telah mengarahkan semua pasaraya menghentikan urusniaga waktu solat jumaat bagi kemudahan pekerja menunaikan solat Jumaat. Di samping itu, 3 kawasan pasar malam diarah supaya menghentikan sementara urusan jual beli untuk menunaikan solat maghrib secara berjamaah, iaitu pasar malam Parit Dalam, Kubang Kerian dan Pengkalan Chepa. MPKB memperluaskan pelaksanaan siasah ini ke pasar-pasar malam yang lain yang mempunyai kemudahan tempat solat berjemaah (Mohamad, 2009).

Untuk tujuan perlaksanaan, MPKB melantik pegawai khas yang akan mengambil tindakan ke atas orang yang melanggar peraturan. Beberapa penguat kuasa ditugaskan memberi peringatan sebelum masuknya waktu solat maghrib, supaya para peniaga dan orang ramai yang berada dalam kawasan pasar malam tersebut menunaikan solat maghrib (Mohamad, 2009).

5. Penutup

Hisbah merupakan satu perancangan dan tindakan syarak yang berperanan besar dalam memastikan suruhan Allah ditaati dan larangan-Nya dijauhi khususnya dalam bidang pengurusan perniagaan. Pengawasan *hisbah* terhadap aktiviti ekonomi dan muamalat telah dimulakan sejak zaman Nabi SAW lagi kerana Nabi SAW sendiri telah meninjau perjalanan aktiviti pasar dengan memeriksa, melihat tingkah laku dan amalan peniaga di pasar. Dalam konteks hari ini, penguat kuasa *hisbah* mestilah berusaha untuk menentukan tiadanya kegiatan yang bertentangan dengan syariah dalam semua aktiviti pengurusan perniagaan untuk menjamin keadilan dan keseimbangan bersama.

Merujuk kepada objektif kajian ini, ia adalah bertujuan mendedah dan mengupas tentang pengawasan *hisbah* dalam memastikan pengurusan perniagaan yang dilangsungkan adalah tidak menyalahi batas syarak. Dapatkan kajian pula mendapati bahawa *hisbah* memiliki skop pengawasannya yang tersendiri dalam menentukan keharusan aktiviti pengurusan perniagaan yang dijalankan. Pengawasan tersebut berkaitan unsur penipuan perniagaan, riba, monopoli barang, kehalalan dan manfaat barang, paksaan dalam perniagaan, penetapan harga, dan penutupan perniagaan untuk solat Jumaat. Maklumat seumpama ini dan usaha penerapannya adalah perlu dibudayakan dalam pengurusan perniagaan masyarakat demi kesejahteraan bersama.

Implikasi daripada kajian ini memberikan garis panduan yang jelas tentang peraturan yang menepati syarak dalam pengurusan perniagaan yang dijalankan. Umat Islam yang terlibat dalam bidang pengurusan perniagaan ini sepatutnya peka dan memberikan perhatian yang serius agar ia tidak bercanggah dengan hukum syarak. Cadangan untuk kajian akan datang ialah mengkaji sejauh mana keperluan kepada penubuhan satu agensi khas kerajaan yang akan menjalankan dengan kerja-kerja pengawasan *hisbah* terhadap pengurusan perniagaan yang ada. Kerja pengawasan *hisbah* yang dilaksanakan oleh agensi khas kerajaan akan lebih efektif berbanding dengan pengurusan *hisbah* secara umum yang dijalankan oleh agensi tertentu, sebagaimana yang berlaku pada masa kini.

Rujukan

- Abdullah, A. H. (2000). *Hisbah Dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: IKDAS SDN BHD.
- Abi Dawud, S. A. (1999). *Sunan Abi Dawud*. Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Ahmad, H. (1998). *Musnad Ahmad bin Hanbal*. Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Ahmad, M. S. H. et al., (2006). *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*, Petaling Jaya: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Al-'Arifi, S. A. (1407H). *Al-Hisbah wa al-Niyabah al-'Amma: Dirasah Muqaranah*. Riyad: Dar al-Rusyd.
- Al-Albani, N. (t.t.). *Sahih wa Da'iif al-Jami 'al-Saghir wa Ziyadatuhi*. Al-Maktab al-Islami.
- Al-Asyqar, M. S. (1998). *Buhuth Fiqhiyyah fi Qadaya Iqtisadiyyah Mu'asirah*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Al-Bukhari, M. I. (1998). *Sahih al-Bukhari*. Susunan: Abu Suhayb al-Karami. Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Darsuwisy, A. Y. (1989). *Ahkam al-Fiqh fi al-Islam wa Atharuha fi al-Iqtisad al-Islami*. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- Al-Hakim. (1997). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*. Kaherah: Dar al-Haramayn.
- Al-Mundhiri, Z. A. A. (2018). *Al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Syarif*. Azhar University: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Qarni, A. H. (2006). *Al-Hisbah fi al-Madi wa al-Hadir*. Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Tabarani, S. A. (1983). *Al-Mu'jam al-Kabir*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Al-Tirmidhi, M. I. (1999). *Jami' al-Tirmidhi*. Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Basyuni, S. (1988). *Al-Hurriyyah al-Iqtisadiyyah fi al-Islam wa Atharuha fi al-Tanmiyah*. Mansurah: Dar al-Wasa.
- Borham, A. J. (1999). *Sains Muamalah Islam di Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Daud, M. H. (1994). *Perniagaan Menurut Islam*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ghani, A. M. A. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ghani, H. A. & Yaacob, N. (2021). Prinsip-Prinsip Syariah dalam Aktiviti Muamalat. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 2(1), 111-130.
- Ibn al-Qayyim (1989). *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syariyyah*. Damsyiq: Maktabah Dar al-Bayan.

- Ibn al-Ukhuwwah (2001). *Ma'alim al-Qurbah fi Akhak al-Hisbah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn Khaldun (1992). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah. Ibn Manzur (t.t.). *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ibn Taymiyyah. (1997). *Al-Hisbah*. Kuwait: Dar Ilaf al-Dauliyyah.
- Ibrahim, A. (2014). *Amalan Hisbah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mansor, M. (1984). *Undang-undang Perdagangan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: al-Haramain Sdn Bhd.
- Mohamad, S. (2009). Kepimpinan Ulamak Dalam Kerajaan Kelantan dan Sumbangannya Kepada Pembangunan Islam: Satu Penilaian. *JURNAL JAHEAIK*, bil 2. 15-39.
- Muslim, H. (1998). *Sahih Muslim*. Riyad: Bayt al-Afskar al-Dawliyyah.
- Norwazir, M. I. (2003). Institusi Hisbah. *Dewan Agama Dan Falsafah*, Ogos 2003. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rukaini, A. R. & Yaacob, M. A. (2001). *Muamalat Teras Pembangunan Sosio-Ekonomi*. Semenyih: Synergymate Sdn Bhd.
- Salamon, S. (1992). *Perniagaan Menurut Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Zakaria, Z., & Ismail, S. Z. (2015). Perkembangan Pengaturan Halal Menerusi Akta Perihal Dagangan 2011 Di Malaysia: The Development of Regulations Concerning Halal Through Trade Description Act 2011 In Malaysia. *Jurnal Syariah*, 23(2), 189-216.